

PENUTUP

1. Rumusan-rumusan.

Dari perbincangan di atas maka bolehlah penulis gariskan rumusan-rumusannya seperti berikut:

i- Perkataan jenayah dan kesalahan adalah dua perkataan yang mempunyai pengertian yang berbeza dari sudut undang-undang jenayah Islam mahupun undang-undang jenayah Malaysia, perkataan jenayah lebih menggambarkan suatu perbuatan yang serius berbanding dengan kesalahan yang digunakan bagi merujuk suatu perbuatan yang lebih ringan. Oleh itu penulis gunakan perkataan jenayah untuk setiap perbuatan-perbuatan seks yang ditegah demi menggambarkan betapa seriusnya perbuatan-perbuatan mungkar tersebut.

ii-Secara umum, apa yang diertikan dengan jenayah berhubung dengan seks ialah apa juga bentuk perlakuan seks yang terkeluar dari batas-batas yang dibolehkan oleh undang-undang dan syara^c.

iii- Terdapat tujuh jenis perbuatan-perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai jenayah seks, iaitu zina, liwat (homoseks), sahaq (lesbian), istimna^c (onani), bersetubuh dengan binatang atau mayat dan akhir sekali persetubuhan paksa. Ketujuh-tujuh perbuatan tersebut telah mendapat persepakatan para ulama^c tentang pengharamannya dalam Islam, manakala menurut undang-undang jenayah Malaysia pula ada beberapa jenayah seks yang tidak dibincangkan secara khusus seperti zina, istimna^c (onani) dan bersetubuh dengan mayat, maka oleh yang demikian ianya tidak layak lagi dianggap sebagai satu kesalahan atau jenayah yang boleh mengheret pelakunya kemuka pengadilan.

iv- Seterusnya berkaitan dengan hukuman, terdapat tiga jenis hukuman dalam undang-undang Islam iaitu hudud qisas dan diat serta ta^czir, dan dalam masalah ini hukuman yang sesuai dikenakan ke atas penjenayah - penjenayah seks ialah sama ada hudud atau ta^czir, manakala dalam undang-undang jenayah Malaysia pula penjenayah-penjenayah seks boleh dihukum sama ada dengan penjara, sebat, denda atau kombinasi antara ketiga-tiganya sekali.

iii- Terdapat tujuh jenis perbuatan-perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai jenayah seks, iaitu zina, liwat (homoseks), sahaq (lesbian), istimna^c (onani), bersetubuh dengan binatang atau alat dan akhir sekali persetubuhan paksa. Ketujuh-tujuh perbuatan tersebut telah mendapat persepakatan para ulama^c tentang pengharamannya dalam Islam, manakala menurut undang-undang jenayah Malaysia pula ada beberapa jenayah seks yang tidak dibincangkan secara khusus seperti zina, istimna^c (onani) dan bersetubuh dengan mayat, maka oleh yang demikian ianya tidak layak lagi dianggap sebagai satu kesalahan atau jenayah yang boleh mengheret pelakunya kemuka pengadilan.

iv- Seterusnya berkaitan dengan hukuman, terdapat tiga jenis hukuman dalam undang-undang Islam iaitu hudud qisas dan diat serta ta^czir, dan dalam masalah ini hukuman yang sesuai dikenakan ke atas penjenayah - penjenayah seks ialah sama ada hudud atau ta^czir, manakala dalam undang-undang jenayah Malaysia pula penjenayah-penjenayah seks boleh dihukum sama ada dengan penjara, sebat, denda atau kombinasi antara ketiga-tiganya sekali.

2. Saranan-saranan.

i- Perlunya pengetahuan umum yang cukup di kalangan masyarakat untuk menambatkan kefahaman mereka dan ini tentunya akan dapat mengurang atau menghapuskan sama sekali perbuatan-perbuatan keji yang ditengah seperti jenayah seks ini khususnya.

ii- Kesedaran di kalangan ahli undang-undang. Melihat kepada peruntukkan undang-undang jenayah Malaysia yang telah sedia ada dan diamalkan hingga kini, jelas kepada kita bahawa ia menyelitkan terlalu sedikit unsur-unsur keIslaman di dalamnya. Setelah negara merdeka selama tiga puluh dua tahun, maka penulis berpendapat sudah sampai masanya kita mengubah sistem perundangan yang ada hari ini yang lebih berunsurkan undang-undang Inggeris kepada sistem perundangan berlandaskan al-Qurān dan Hadis. Ini kerana terlalu banyak kekurangan-kekurangan yang terdapat dalam undang-undang yang ada sekarang hinggakan walaupun penjenayah-penjenayah dikenakan hukuman atas perbuatan mereka, namun kejadian-kejadian jenayah masih tetap meningkat tahun demi tahun. Keadaan ini secara rambang

meminjutkan betapa kurang berkesannya sistem perundangan yang wujud.

iii-Berkenaan dengan hukuman yang dijatuhkan ke atas perogol menurut Kanun Kesiksaan, penulis berpendapat ianya terlalu ringan hingga tidak dapat dijadikan sebagai satu pengajaran. Keadaan inilah juga mungkin yang menyebabkan bilangan kejadian perogol tidak pernah berkurangan. Jadi hukuman hudud seperti yang telah ditetapkan oleh Islam merupakan satu-satunya hukuman yang amat sesuai dan berkesan untuk menbendung gejala ini, kerana hukuman rejam hingga mati atau sebat 100 kali sudah cukup untuk membuat orang berfikir dua kali sebelum melakukan perbuatan-perbuatan maksiat tersebut.

iv-Mengurang atau menghapuskan sama sekali sumber-sumber kemaksiatan yang kian berleluasa hari ini. Contohnya seperti panggung-panggung wayang, pusat-pusat hiburan serta rancangan-rancangan televisyen yang tidak memberi faedah. Kesemuanya itu hanya menggalakkan berlakunya pergaulan bebas antara lelaki dan wanita, hingga akhirnya akan men-

dekatkan mereka kepada perbuatan sia. Namun begitu segala perubahan sebaiknya tidak dibuat secara drastik kerana tentunya ia tidak akan meninggalkan sebarang kesan yang positif, ini disebabkan di kalangan masyarakat negara kita hari ini pengaruh-pengaruh negatif seperti yang disebutkan tadi sudah menjadi seakan budaya hidup mereka, untuk itu segala cubaan untuk mengikisnya hendaklah dilakukan secara prihatin dan berperingkat-peringkat.

- v. Memberikan lebih banyak maklumat-maklumat tentang kesan-kesan buruk yang timbul akibat dari perhubungan seks bebas, umpamanya ancaman penyakit AIDS (Sindrom Kurang Daya Melawan Penyakit) yang kian melanda penduduk dunia hari ini. Dengan itu diharapkan agar dapat menyedarkan orang ramai bahawa perbuatan tersebut bukan sahaja melanggar perintah Allah tetapi juga memudaratkan diri sendiri.